

KERAJAAN NEGERI KELANTAN
ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN BILANGAN 5/2009

PENYELARASAN PENGESYORAN OLEH PENTADBIR TANAH
BAGI PERMOHONAN KEBENARAN PINDAHMILIK
KEPADA MELAYU BUKAN ANAK KELANTAN

Arahan ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah supaya mematuhi keputusan mesyuarat Pentadbir-Pentadbir Tanah yang diadakan pada 5hb November 2009 bahawa Pentadbir-Pentadbir Tanah hendaklah membuat pengesyoran yang sama untuk tujuan penyelarasan semasa menyediakan kertas MMK bagi permohonan kebenaran pindahmilik yang melibatkan Seksyen 104 Enakmen Tanah Kelantan 1938 iaitu permohonan kebenaran pindahmilik kepada Orang Melayu Bukan Anak Kelantan seperti berikut :-

1. Mana-mana permohonan pindahmilik kepada Orang Melayu Bukan Anak Kelantan yang mempunyai kriteria berikut hendaklah disyor untuk diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.
 - a) Pemindah dan bakal penerima mempunyai hubungan mengikut takrifan waris terdekat sebagaimana Pekeliling PTG.KN 4/1994 dan Pekeliling PTG.KN 6/2003, atau
 - b) Suami atau isteri bakal penerima adalah anak Kelantan, atau
 - c) Mempunyai waris terdekat di Kelantan dan disokong dengan pembuktian salinan sijil kelahiran atau kad pengenalan atau lain-lain dokumen pihak yang berkenaan, atau
 - d) Telah menetap di Kelantan sekurang-kurangnya 5 tahun dan bercadang untuk terus menetap di Kelantan dengan mengemukakan maklumat mengikut Arahan PTG 4/1999, kecuali

- e) Golongan professional pelbagai bidang yang sesuai mengikut pertimbangan Pentadbir Tanah seperti Doktor Pakar, Doktor, Juruukur, Jurutera, Ahli Kaji Bumi (Geologist), Arkitek dan sebagainya samada bertugas dengan Kerajaan atau Syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) yang berkhidmat di Kelantan.

2. Manakala mereka yang tidak memenuhi salah satu kriteria di atas, permohonan berkenaan hendaklah disyorkan supaya ditolak.

.....t.t.....

**(HJ. ISMAIL BIN HJ. SAMAH)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN.**

KEPADA:

Yang Amat Berusaha
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.
4. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
5. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
6. YBrs. Ketua Audit Negeri Kelantan.
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha (MMK)
8. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha (Perumahan)

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU.**

FAIL : PTG.KN 3269/Jld.3/(16)

**BERTARIKH : 28 ZULKAEDA, 1430H
16 NOVEMBER 2009**